

## **BAB LIMA**

### **PENUTUP**

#### **5.0 Pendahuluan**

Di dalam bab ini, pengkaji akan mengemukakan kesimpulan yang diperoleh daripada perbincangan dan laporan analisis kajian yang telah dijalankan daripada bab-bab sebelumnya. Dalam bab ini juga, pengkaji akan mengutarakan beberapa langkah dan cadangan supaya kefahaman dan pelaksanaan masyarakat suku Bugis dalam mengahwinkan anaknya sesuai dengan syarak dan kompilasi hukum Islam Indonesia, sehingga perkahwinan membentuk keluarga yang bahagia sama ada di dunia mahupun di akhirat.

#### **5.1 Kesimpulan**

Berikut ini adalah beberapa kesimpulan yang dapat pengkaji kemukakan setelah kajian dilakukan.

Pertama: Perkahwinan yang dijodohkan iaitu perkahwinan bukan atas pilihan calon pengantin sendiri tetapi dicarikan oleh orang tua atau keluarganya.

Kedua: Perkahwinan yang dijodohkan akhirnya terjadi perceraian kerana kurangnya kefahaman dan pendidikan sama ada yang dijodohkan atau yang menjodohkannya.

Ketiga: Pada adat suku Bugis di kelurahan Pulau Kijang perkahwinan yang terjadi kerana dijodohkan adalah sesuatu hal yang lazim terjadi. Pelaksanaan

perjodohan itu telah ada dan dilaksanakan secara turun temurun sejak zaman nenek moyang mereka, dan hingga kini hal itu tetap dipertahankan. Walaupun mereka telah jauh di kawasan perantauan. Perkahwinan yang terjadi tersebut, pada dasarnya bukanlah atas kehendak si anak, akan tetapi atas kehendak orang tua atau pihak keluarga. Kerana perkahwinan termasuk mencari jodoh dalam adat suku Bugis merupakan urusan keluarga. Keluarga yang lebih berhak menentukannya. Sedangkan si anak kebiasaannya bersifat pasif. Perjodohan itu pun terjadi antara mereka yang masih memiliki hubungan persaudaraan yang masih dekat.

Keempat: Ada beberapa penyebab terjadinya perkahwinan kerana dijodohkan tersebut antaranya, dalam masyarakat Bugis di Pulau Kijang masih tetap memandangkan konsep *kasiratangang* dalam rangka pemilihan jodoh dan keserataan yang paling menonjol adalah dalam hal keturunan (nasab), pertimbangan masalah harta, orang tua beranggapan bahawa pilihannya itu adalah tepat, faktor ekonomi, pendidikan yang masih rendah. Selain itu, adanya ketakutan orang tua melihat pergaulan anak muda zaman sekarang yang begitu bebas, merasa berhutang budi, dan si anak tidak ingin mengecewakan orang tua dan keluarganya.

Kelima: Implikasi perkahwinan kerana dijodohkan dan kesan perkahwinan kerana dijodohkan dalam masyarakat Bugis dapat dilihat dari dua segi iaitu positif dan negatif. Dari hasil kajian penulis di lapangan bahawa akibat negatif lebih besar dari pada akibat positif. Adapun akibat positifnya ialah perkahwinan itu biasanya terjadi kerana pihak keluarga sudah saling mengenali dan bergaul sehingga sudah tidak sulit lagi untuk penyesuaian, ikatan nasab akan lebih kuat lagi, dan apabila terjadi pergaduhan antara suami isteri tersebut maka pihak keluarga akan segera

membantu. Sementara itu kesan negatifnya adalah tidak ada rasa cinta dan kasih di antara keduanya, si anak akan merasa kurang bertanggungjawab terhadap keluarganya (isteri/suami), menimbulkan ketidakharmonian dalam rumah tangga, pihak keluarga terlalu ikut campur dalam urusan rumah tangga si anak, dan yang lebih buruk lagi membawa kepada terjadinya perceraian. Padahal perbuatan yang halal namun dibenci oleh Allah adalah talak.

Keenam:Perkahwinan kerana dijodohkan dalam suku Bugis jika ditinjau menurut hukum Syarak terdapat pertentangan, iaitu orang tua/keluarga menjodohkan anak terdapat unsur paksaan iaitu si anak tidak menyetujuinya. Menurut hukum Syarak, apabila orang tua ingin menjodohkan anaknya dengan pilihan mereka hendaklah meminta persetujuan terlebih dahulu kepada anak. Sama ada anak perempuan mahupun anak lelaki. Namun perkahwinan yang terjadi kerana dijodohkan itu pada dasarnya adalah perkahwinan yang sah jika yang menjadi wali itu adalah wali mujbir (ayah dan datuk) walaupun tanpa ada persetujuan dari si anak. Sebab wali mujbir itu adalah wali yang berhak memaksa, dan yang dinikahkan dengannya itu adalah sekufu'. Namun alangkah baiknya jika si wali mujbir tersebut meminta persetujuan anak. Akan tetapi jika yang menjadi wali bukan wali mujbir, seperti bapa saudara maka izin dari si anak sangat diperlukan. Jika tidak ada izinnnya, maka perkahwinan itu tidak boleh dilaksanakan. Kemudian masyarakat Bugis dalam pemilihan jodoh juga berdasarkan keturunan (masih kerabat), padahal hadis Nabi SAW telah mengatakan bahawa dalam memilih jodoh itu hendaklah berdasarkan agama. Dan apabila dalam kehidupan rumah tangganya ternyata sering terjadi pertengkaran, maka mereka yang dijodohkan tersebut memiliki hak *khiyār* apakah akan melanjutkan pernikahan tersebut atau bercerai.

Ketujuh: Dalam Kompilasi Hukum Islam, apabila hendak mengahwinkan hendaklah diminta persetujuan calon pengantin. Antara bentuk persetujuan calon pengantin perempuan adalah seperti pernyataan tegas dan nyata dengan tulisan, lisan atau isyarat. Namun tindakan berupa diam pula dalam erti selagi setuju tidak ada penolakan tegas. Dan dijelaskan bahawa sebelum berlangsungnya perkahwinan, Pegawai Pencatat Nikah menanyakan lebih dahulu persetujuan calon pengantin di hadapan dua orang saksi nikah. Bila ternyata perkahwinan tidak dipersetujui oleh salah seorang calon pengantin maka perkahwinan itu tidak dapat dilangsungkan. Bagi calon pengantin yang tidak boleh bercakap mendengar, persetujuan dapat dinyatakan dengan tulisan atau isyarat yang boleh difahami.

## **5.2 Cadangan**

Daripada hasil kajian yang telah dilakukan, berikut adalah cadangan yang dikemukakan untuk diperhatikan dan diambil tindakan sewajarnya agar pelaksanaan perkahwinan dalam kalangan masyarakat suku Bugis sesuai dengan hukum Syarak dan kompilasi hukum Islam Indonesia. Antara cadangan pengkaji adalah seperti berikut:

Pertama: Masyarakat Suku Bugis hendaklah memahami bahawa perkahwinan kerana dijodohkan yang tidak dipersetujui oleh calon pengantin tidak boleh dilaksanakan kerana akan memberi kesan negatif dalam kehidupan berumah tangga.

Kedua: Peranan Kantor Urusan Agama (KUA) selaku yang bertanggungjawab menikahkan, hendaklah menanyakan kepada calon pengantin

sebelum diijab qabulkan, apakah calon pengantin bersetuju atau tidak, apabila tidak bersetuju jangan dilaksanakan perkahwinan tersebut.

Ketiga: Kepada Pengadilan Agama (PA) yang bertugas untuk menyelesaikan permasalahan perkahwinan hendaklah menasihati orang tua atau yang mengahwinkan supaya tidak menjodohkan anak dalam perkahwinan secara paksaan supaya menyetujui atas pilihannya. Harapannya amalan ini tidak berlaku lagi kepada masyarakat suku Bugis lainnya.

### **5.3 Penutup**

Pengkaji bentangkan kajian sebanyak lima bab ini untuk mengetahui bagaimana pelaksanaan perkahwinan kerana dijodohkan di kalangan masyarakat suku Bugis di Pulau Kijang berdasarkan syarak dan kompilasi hukum Islam Indonesia serta kefahaman masyarakat dalam perkara tersebut.

Semoga hasil kajian ini dapat dijadikan pedoman bagaimana sebenarnya perkahwinan menurut syarak dan kompilasi hukum Islam Indonesia terutama yang bertanggungjawab sebagai pelaksana urusan perkahwinan di bawah kuasa Kantor Urusan Agama.

Pengkaji telah berusaha untuk mendapatkan maklumat dan fakta yang jelas bagi setiap topik perbincangan yang diutarakan. Pengkaji berharap pada masa datang, sebarang kekurangan dan kesalahan yang masih ada dalam kajian ini dapat diperbaiki, sehingga kajian ini benar dan sempurna.

